

Newspaper : Utusan Malaysia
Date : 17th August 2011
Title : Bina Puri dapat kontrak RM4.7b di Sabah
Section : Bisnes Page :

Bina Puri dapat projek RM4.7b di Sabah

KUALA LUMPUR 16 Ogos - Bina Puri Holdings Bhd. (Bina Puri) telah memperoleh satu lagi projek pembangunan mega di Sabah bernilai RM4.7 bilion, sekali gus meningkatkan jumlah buku tempahan belum bina kepada RM2.78 bilion sehingga kini.

Bina Puri dalam kenyataannya di sini berkata, urusniaga terbaharu itu diperoleh oleh anak syarikatnya, Bina Puri Construction Sdn. Bhd. (Bina Puri Construction) bagi membangunkan pusat rekreasi pelancong dan pembangunan komersial di KK Times Squares (Fasa 2) di Kota Kinabalu.

Projek yang terletak di Lebuhtraya pesisir pantai di Sembulan, salah

satu kawasan mewah di Kota Kinabalu itu, telah dianugerahkan oleh Syarikat Kapasi Sdn. Bhd., anak syarikat Asian Pac Holdings Bhd.

Pembangunan KK Times Square (Fasa 2) bakal merangkumi bangunan arked untuk pelancong setinggi empat tingkat, tempat meletak kenderaan aras bawah tanah dilengkapi dengan gerai-gerai jualan runcit, lima blok pangapuri servis yang terdiri daripada 631 unit serta tempat meletak kenderaan bertingkat.

Bina Puri Construction diberikan masa selama 26 bulan untuk menyalakannya.

"Terdapat cabaran empat penjuruan dan kami memenangi projek ini berdasarkan harga yang kom-

petitif serta rekod lampau yang baik di Sabah dengan projek bernilai lebih RM1.5 bilion berjaya disiapkan sejak Julai 1994 dan sebuah lagi projek yang sedang dijalankan bernilai RM800 juta," kata Pengarah Urusan Bina Puri, Tan Sri Tee Hock Seng.

Bina Puri, sebelum ini terlibat dengan beberapa projek mega di Sabah termasuk Dewan Kuliah Pusat Ke-2 dan Pusat Pasca Siswazah bagi Universiti Malaysia Sabah, Jalan raya pesisir pantai Sulaman Kota Kinabalu sejauh 88 kilometer dan Jesselton Condominium.

Di Sarawak pula, Bina Puri telah menyiapkan pembinaan Kompleks Dewan Undangan Negeri yang

baru di Petra Jaya.

Bagi tahun semasa, kumpulan telah berjaya mendapatkan beberapa projek baharu dengan nilai terkumpul kira-kira RM970 juta termasuklah Pusat Pentadbiran Negeri Sabah yang baharu dengan nilai RM388.7 juta.

Jumlah keseluruhan kesemua projek yang akan dijalankan adalah RM4.4 bilion dan ia dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2011.

GAMBARAN artis projek Binapuri di KK Times Squares di Kota Kinabalu, Sabah.



From : Group Corporate Communication Department
Date : 18th August 2011
Subject : Bina Puri News Update

"FOR STAFF INFORMATION & UPDATES"